




Jawapan Praktis Ekstra Modul 1

1.




2. (a) A Tempoh perakaunan
(b) B Prinsip kos
(c) A Entiti berasingan
(d) C Kos manfaat
(e) B Ketekalan
(f) A Usaha berterusan

(g) B Pengiktirafan hasil dan belanja

(h) A Wang sebagai ukuran

3. (a) Entiti berasingan. Tujuan memisahkan entiti perniagaan daripada pemiliknya adalah untuk membezakan di antara urus niaga perniagaan dan urus niaga peribadi.
(b) Ya. Menurut konsep entiti berasingan, rekod perakaunan hanya terhad kepada firma itu dan tidak ada kaitan dengan urus niaga peribadi pemiliknya. Buku perakaunan firma tidak merekodkan urus niaga yang dilakukan oleh pemilik di luar perniagaan atau urus niaga yang dilakukan oleh perniagaan lain.
4. (a) Pengiktirafan hasil dan belanja
Untuk menentukan untung bersih bagi tempoh kewangan semasa, jumlah belanja bagi tempoh semasa akan ditolak dari hasil yang diperoleh dalam tempoh kewangan yang sama. Gaji belum bayar harus diambil kira bagi mengira untung atau rugi tahun semasa kerana ia berlaku dalam tempoh kewangan yang sama. Manakala sewa belum terperoleh yang merupakan urus niaga tempoh kewangan akan datang tidak dianggap sebagai pendapatan bagi tempoh kewangan semasa.
(b) Prinsip kos
Menurut prinsip kos, urus niaga direkodkan mengikut kos belian pada tarikh belian dibuat dan bukan pada harga pasaran semasa.
(c) Kos manfaat
Kos manfaat menegaskan bahawa sesuatu keputusan perlu dibuat dengan mengambil kira manfaat yang bakal diperoleh berbanding kos yang dikeluarkan bagi memperoleh manfaat tersebut.
5. (a) Prinsip kos
(b) Entiti berasingan
(c) Usaha berterusan
(d) Pengiktirafan hasil dan belanja
(e) Ketekalan, tempoh perakaunan



Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah

6.